

# Pola Tematik Dan Implikasinya Dalam Pengajaran Penulisan Karangan

*Norfaizah Abdul Jobar*  
norfaizahabdjobar@ymail.com

*Anida Sarudin*  
anida@fbk.upsi.edu.my

Idris Mohd Radzi  
idris@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan perkembangan aliran ayat yang mampu menyalurkan maklumat dalam penulisan karangan dengan pengaplikasian analisis Tema Rema (Halliday, 1994) dan model Tematik McCabe (1999) ubah suai Danes (1974). Hasil analisis membuktikan bahawa aplikasi pola ini membawa signifikan yang besar terhadap penghasilan penulisan karangan yang memiliki nilai kebolehbacaan yang tinggi. Pendedahan ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada guru dan pelajar sebagai alat pemudah cara untuk membina penulisan karangan yang bermutu.

**Kata kunci** *karangan; analisis Tema Rema; Pola Tematik.*

## ABSTRACT

*This study focuses on the development of the flow of the sentences that can present information in essay writing using the Rema Analysis application (Halliday, 1994) and Thematic McCabe Model (1999) Danes Modification (1974). The results of the analysis indicate that the application of this pattern is significant in producing essays with high readability scores. This exposure is hope to provide information to teachers and students as a way to facilitate to produce high quality essay writing.*

**Keywords** *essays; Rema Analysis Theme; Thematic Patterns;*

## Pengenalan

Menulis merupakan satu kemahiran asas yang penting dalam usaha mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Sesungguhnya menulis melibatkan keupayaan merujuk, menulis, merancang dan mengeluarkan idea berkaitan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui mereka. Di Malaysia, penulisan merupakan aspek pengajaran yang amat ditekankan dalam kurikulum sekolah. Namun demikian, masih terdapat pelajar yang tidak mampu menulis dengan berkesan (Kamaruddin Haji Husin dan Siti Hajar Abd. Aziz 1997, Abd Aziz Talib, 2007, dan Abdul Rasid Jamian, 2012). Sesungguhnya ketidakupayaan pelajar mengimbangi tahap dan peringkat penulisan akan menjejaskan kualiti penulisan. Selain itu, pelajar sekolah menengah juga tidak diajarkan proses menulis yang dapat mengembangkan teks linguistik dengan memperlihatkan pertautan semantik atau makna antara deretan ayat dan antara deretan perenggan (Khadijah Abdul Hamid, 1999). Menurut Ostrom dan Cook (1993) dalam Alireza Jalilifar (2010), masalah dalam penulisan bukanlah sekadar membina sederetan ayat yang mudah, tetapi menjadi lebih serius apabila hendak menggabungkan ayat mudah tersebut. Sehubungan dengan itu, kemahiran penulisan yang tinggi diperlukan oleh setiap guru bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan warganegara yang berketerampilan dalam berbahasa. Oleh itu, satu mekanisme baharu harus diwujudkan bagi mengurangkan permasalahan ini daripada berlarutan.

Bertitik tolak dalam permasalahan ini, murid sekolah didapati sukar menguasai subjek penulisan kerana memerlukan penciptaan idea, cara mengekspresikan idea, mengorganisasikan idea dalam bentuk ayat agar mudah difahami pembaca (Katharina, 2011). Lanjutan daripada hal ini, kurangnya pengetahuan murid tentang kepentingan unsur-unsur koheren dan kohesi dalam penulisan karangan akan memberi impak yang besar kerana akan menyebabkan murid mengalami masalah untuk menghasilkan ayat yang mempunyai pertautan idea dalam satu perenggan.

Kecetakan pengetahuan ini akan mengganggu kelancaran ayat yang bakal dihasilkan dan mempengaruhi keutuhan ayat tersebut dari segi tautan makna dan pertalian sintaksis. Oleh itu, walaupun murid tahu menggunakan perkataan yang sesuai, namun mereka masih kabur tentang potensi fungsi koheren dan kohesi yang sebenarnya. Menyedari tentang hal ini, pengkaji merasakan amat perlunya kajian lanjut tentang aspek karangan yang memperlihatkan konstituen lebih tinggi seperti

unsur Tema dan Rema dalam karangan. Hubungan yang terbina melalui kaitan kohesi tidak mencukupi untuk mempersembahkan hubungan yang koheren dalam teks (Stotsky, 1983). Hal ini demikian kerana di samping kohesi leksikal dan kohesi gramatikal, hubungan logik antara teks juga ditentukan oleh Tema Rema (Halliday, 1994, Sarah 2005, Abdulrahman Adisaputra, 2008, dan Seyed Foad Ebrahimi, 2012).

Dalam hal ini, untuk memastikan murid boleh menulis dengan berkesan atau dalam erti kata lain bermaklumat, mereka harus memiliki pengetahuan tentang apa yang hendak ditulis selain teknik mengorganisasikan ayat (Seyed Foad Ebrahimi, 2012 dan Katharina, 2013). Oleh itu, untuk menulis secara bermaklumat, guru dan murid harus didedahkan dengan kepentingan konsep Tema dan Rema melalui pola analisis pemilihan Tema dan Pola Tematik (Alonso dan McCabe, 1998, Wang, 2007, Alireza Jalilifar, 2010, Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi, 2012 dan Sudratai Arunsirot, 2013) agar tujuan penulisan berkesampaian dan berkoheren. Sesungguhnya, sebagai cara untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menulis, mereka perlu disedarkan tentang struktur dan corak teks yang dihasilkan (Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi, 2012).

Kesignifikan Tema dan Rema hingga boleh menghasilkan konfigurasi Tematik yang baik, merupakan strategi penulisan yang bersistem. Kesisteman penulisan yang dimaksudkan menyentuh aspek dinamisme fungsi ayat sehingga menghasilkan sebuah penulisan yang memenuhi ciri-ciri wacana yang berpaduan atau memenuhi pembentukan Pola Tematik yang berkesan. Dengan kata lain, Pola Tematik merupakan aliran Tematik atau cara mesej dilanjutkan dan sebaliknya dalam satu ayat atau klausa dalam sesebuah teks. Pola Tematik juga dikenali sebagai konsep aliran maklumat. Oleh itu, untuk mencapai tujuan dalam penulisan atau komunikasi ayat tersebut perlulah bermaklumat (Idris Aman, 2010).

Menurut Wang (2007), untuk meningkatkan koheren murid secara tepat, perhatian harus diberikan kepada pemilihan Tema dan aliran Tematik yang berlaku dalam penulisan. Malah menurut beliau murid bahasa kedua selalu mengalami masalah dalam penulisan kerana kurang menggunakan ayat yang koheren bagi menyumbang markah dalam peperiksaan. Brown dan Yule (1983), menyatakan bahawa dua kepentingan Tema-Rema iaitu mengekalkan koheren dengan menghubungkan semula wacana sebelumnya dan menyediakan maklumat awal bagi membina wacana seterusnya. Selanjutnya, Alireza Jalilifar (2010) menyatakan fokus kajian struktur Tema Rema dalam klausa boleh memberikan kesan positif dalam pengajaran

penulisan. Keupayaan guru bahasa menunjukkan cara yang terbaik dalam menguruskan Maklumat Lama (Tema) dan Maklumat Baru (Rema), mendatangkan impak terhadap strategi penulisan murid bagi mengaplikasikan alat yang boleh menguruskan erti sesebuah penulisan.

## **Kajian Koheren dan Pola Tematik dalam Penulisan**

Secara amnya, kepentingan koheren dalam penulisan karangan sering diabaikan oleh guru dengan lebih mengutamakan penggunaan ayat yang betul dan ejaan yang tepat serta mementingkan ‘hasil penulisan’ bukannya proses yang berlaku semasa menulis (Khadijah, 1997 dan Marohaini dan Zulkifle, 1997). Selain itu, guru juga kadang kala gagal mengajarkan cara berkesan untuk menulis secara berantainya yang melibatkan penggunaan alat koherensi yang menautkan koheren yang berkualiti. Dengan kewujudan buku yang dihasilkan oleh Halliday dan Hassan (1976), iaitu *Cohesion in English* telah menjadi satu bidang yang berkembang luas berkaitan isu koherensi dan koheren. Justeru pada tahun 1994, Halliday telah menyetengahkan pula konsep Struktur Tema melalui teori *Systemic Functional Linguistic*. Oleh itu, terhasil kajian yang menekankan kepentingan koheren dan aliran maklumat seperti Alonso dan McCabe (1998), Aryanty (2005), Lixia Wang (2007), Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi (2012) dan Asri Nur Rakhman (2013) telah menyetengahkan kepentingan menulis secara berstruktur dan bermaklumat menerusi penggunaan Pola Tematik.

## **Sorotan Kajian Pola Tematik**

Hasil penelitian pertama oleh Isabel Alonso Belmonte dan Anne McCabe (1998) bertajuk *Theme-Rheme patterns in L2 Writing* memperlihatkan objektif bahawa analisis Tema dan Rema mampu membantu dalam mengatasi masalah penulisan selain membolehkan masalah dalam penulisan dikenal pasti. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis 25 esei mahasiswa Universiti Amerika di Madrid. Pengkaji telah mengaplikasikan model Danes (1974) bagi menganalisis aliran Tematik mahasiswa. Pada pandangan pengkaji walaupun penulis berjaya menyenaraikan masalah dalam aliran Tematik namun mereka

tidak menjelaskan dengan tepat akan teori/konsep yang digunakan dalam pembahagian unsur Tema dan Rema.

Kajian Aryanti Prasetyarini (2005), yang berjudul 'Alur susunan kalimat pada paragraf yang dikembangkan oleh mahasiswa jurusan bahasa Inggeris' pula merupakan kajian yang memperlihatkan masalah yang berlaku semasa mahasiswa Universiti Fakulti Pendidikan dan Perguruan Muhamadiyah Sukarta (2001) mengembangkan ayat dalam penulisan karangan. Pengkaji membincangkan jenis alur susunan ayat yang menjadi pilihan mahasiswa sama ada pola linear atau pola tidak linear selain menyenaraikan masalah yang berlaku dalam penulisan tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji telah menganalisis 137 perenggan karangan dan hanya menggunakan 30 perenggan sebagai sampel. Hasil dapatan menunjukkan bahawa aliran Tematik mahasiswa yang mendominasi karangan adalah pola campuran. Pengkaji turut mendefinisikan pola campuran sebagai gabungan pola linear dan pola kekal. Selain itu, hasil analisis ini juga telah menyetengahkan empat permasalahan yang dikenal pasti dalam penulisan karangan pelajar antaranya, perenggan tanpa topik, masalah penggunaan tanda baca, penyisipan idea baharu dan susunan ayat yang tidak sistematis. Namun begitu, kajian ini menampakkan sedikit kekeliruan kerana definisi yang diberikan oleh penulis terhadap pembahagian pola Tematik agak bercampur-aduk dan tidak berpegang pada mana-mana model pola Tematik yang sepatutnya diperjelas dahulu sebelum kajian dilakukan selain pengkaji juga memberikan definisi pola campuran tanpa berpegang mana-mana pandangan tokoh terdahulu.

Kajian Lixia Wang (2007), bertujuan meneroka hubungan antara organisasi Tema Rema dengan kohesi dalam teks dan keberkesannya untuk pengajaran dan pembelajaran guru, mendapati bahawa banyak kelemahan berlaku dalam penulisan karangan pelajar yang melibatkan aliran tematik dan pilihan tema atau kedua-duanya sekali. Sesungguhnya, dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan sebuah esei sahaja yang ditulis oleh Bai, iaitu mahasiswa tahun dua jurusan politik di Universiti South Eastern di China. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kelemahan yang terdapat dalam penulisan karangan dan membuktikan bahawa koheren dapat ditingkatkan melalui analisis pola tematik dalam penulisan karangan mahasiswa tersebut. Hasil analisis mendapati pola yang sering diaplikasikan oleh pelajar ini ialah pola tematik kekal selain terdapat tiga masalah yang dikenal pasti dalam struktur Tema, iaitu i) wujudnya Tema baru ii) terdapat dua Rema iii) wujudnya Rema kosong. Kelompangan kajian

ini, disebabkan oleh data yang digunakan oleh pengkaji terhadap maka dapatan tidak menggambarkan masalah sebenar yang berlaku dalam penulisan karangan pelajar. Selain itu, dalam kajian ini pengkaji tidak menyatakan model yang digunakan untuk menganalisis pola tematik.

Penelitian seterusnya dilakukan oleh, Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi (2012) bertajuk 'Information Development in EFL Student's Composition Writing' merupakan kajian yang juga tertumpu pada pilihan pola dalam penulisan karangan mahasiswa Universiti Abadan Islamic Azad. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau sama ada wujud perkaitan antara pilihan pola Tematik dengan perbezaan latar belakang akademik. Seramai 60 orang mahasiswa terlibat dalam kajian ini dengan 180 esei yang dianalisis dan mahasiswa tersebut dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu masing-masing 20 daripada kumpulan mahasiswa tahun satu, dua dan mahasiswa tahun 3 yang mengikuti kursus Teaching English as Foreign Language, mahasiswa ini diminta menjawab tiga soalan karangan bergambar tanpa huraian selama 45 minit. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan unit-T dalam usaha membahagikan unsur Tema dan Rema agar fokus untuk menganalisis pola lebih mudah dikenal pasti. Meneliti satu persatu kajian pengkaji, didapati bahawa mereka juga mengaplikasikan model Danes (1974) yang diubah suai oleh McCabe (1999), untuk mengkategorikan pola Tematik mahasiswa, iaitu pola linear, pola kekal, pola tema berpecah, pola rema berubah dan pola pelbagai yang dicirikan sebagai pola lain selain pola yang telah dinyatakan tadi. Namun begitu, pengkaji menyimpulkan bahawa kajian Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi (2012) ini bersifat mudah kerana huraian yang dinyatakan hanya dalam bentuk jadual selain kajian dianalisis dengan melihat perbandingan latar belakang akademik yang secara umumnya kita ketahui mahasiswa yang mengikuti kelas lebih lama dalam satu-satu subjek sememangnya mampu menguasai subjek tersebut lebih baik.

Keempat-empat hasil kajian tersebut merupakan bentuk yang mengungkapkan penelitian terhadap susun atur/pola dalam penulisan karangan pelajar. Secara ringkasnya, artikel ini akan menjelaskan bahawa satu perenggan terdiri beberapa ayat yang perlu disusun dengan pola yang sistematik agar tujuan penulisan tersebut berkesampaian terhadap pembaca. Hal ini penting bagi membolehkan pelajar memperoleh markah yang tinggi dalam peperiksaan.

## **Kaedah Kajian**

Kaedah kajian ini merupakan kajian analisis dokumen yang menggembeng teks sebenar atau dikenali ‘analisis wacana’ yang memerihalkan nahu dalam satuan bahasa yang lengkap yang dinamakan nahu wacana. Melalui hal ini, aksi sebenar aliran bahasa dapat diselidik dengan lebih berpada. Teks karangan pelajar Cina tingkatan 5 dari sebuah sekolah menengah di SMK Alor Gajah, Pahang dijadikan bahan kajian. Pelajar ini telah mengikuti pengajian bahasa Melayu sejak di sekolah rendah, ini bermakna mereka telah belajar bahasa Melayu selama 11 tahun. Teks karangan bahagian A hasil daripada peperiksaan pertengahan tahun bertajuk Cara Memastikan Anak-Anak Berjaya dalam Pelajaran telah dianalisis. Sebanyak 18 buah karangan yang mengandungi 90 perenggan dijadikan bahan dalam analisis ini. Namun begitu, kajian ini hanya menumpukan analisis aplikasi pola Tematik pembinaan isi saja tanpa menyisipkan pendahuluan dan penutup karangan. Oleh itu, terdapat tiga isi yang dibina oleh setiap pelajar dengan jumlah keseluruhan perenggan isi yang dikaji sebanyak 54 perenggan. Karangan bahagian A ini merupakan karangan bahan rangsangan dengan peruntukan 3 isi yang perlu dihuraikan oleh pelajar, iaitu ISI 1; Pembelajaran Bilik Darjah ISI 2; Program Sekolah ISI 3; Dorongan Ibu bapa.

Oleh sebab kajian ini hanya meneliti aplikasi susun atur perenggan isi dalam penulisan karangan pelajar, kaedah yang diguna pakai untuk menganalisis alur susun ayat dalam perenggan menggunakan pendekatan mikrosruktural Halliday (1994:37), yang menyatakan bahawa makna tekstual bahasa dalam fungsinya sebagai pesan dapat direalisasikan sebagai Struktur Tema yang terdiri daripada dua unsur iaitu Tema dan Rema. Oleh itu, pola Tematik pelajar tidak dapat dikenal pasti selagi pembahagian Tema Rema tidak dilakukan (rujuk bahagian kerangka Pola Tematik).

## **Pola Tematik**

Dalam artikel ini, pengkaji meninjau aliran maklumat dalam penulisan karangan penulisan bukan Melayu dan kaedah yang boleh dieksploitasi untuk memperbaiki penulisan karangan pelajar. Penulis menyatakan demikian kerana, pola ini boleh dijadikan satu mekanisme baharu sebagai satu anjakan paradigma untuk guru bahasa

dalam mengajarkan wacana di dalam kelas. Selanjutnya, dalam artikel ini juga penulis turut mengetengahkan bagaimana aliran maklumat daripada pola ini dapat dicapai seterusnya memberikan bukti cara ia meningkatkan penulisan karangan pelajar.

Sebagai cara mencapai koheren dalam teks adalah melalui pola tematik, iaitu melibatkan hubungan antara klausa utama dengan klausa seterusnya yang terkandung unsur Tema dan Rema. Asmah Haji Omar (1982), menyatakan ia sebagai benda menggunakan istilah judul dan cerita yang menyamai konsep Tema Rema. Judul diistilahkan sebagai Tema dan Rema dikategorikan sebagai cerita. Namun Asmah hanya melihatnya dalam konteks ayat tetapi tidak antara ayat. Tema merupakan topik yang menjadi agenda yang dibicarakan (Brown dan Yule 1983, Sinar 2009, dan Idris Aman 2010). Menurut Halliday (1976, 1994), Tema merupakan bahagian ayat yang telah diketahui lebih awal oleh pewacana yang juga dikenali sebagai ‘maklumat lama’. Tema merupakan unsur yang bertugas sebagai titik tolak mesej manakala Rema merupakan bahagian ayat yang mengandungi ‘maklumat baharu’ yang sebenarnya mahu disampaikan oleh seseorang pewacana. Dalam teks tema boleh hadir dalam bentuk biasa atau luar biasa (bertanda). Tema biasa/tak bertanda dimulakan dengan Pelaku (Plk) Proses (P) Sasaran (S). Manakala tema bertanda dimulakan dengan Proses (P) dan Sasaran (S), yakni kata sendi, kata kerja, kata hubung boleh hadir menjadi Tema. Secara mudahnya, tema biasa disusun secara aktif dan tema bertanda disusun secara songsang.

### **Kerangka Pola Tematik**


Pendescriptifan kedua dalam menginterpretasikan penulisan karangan pengkaji mengaplikasikan Pola Tematik model McCabe (1999) yang dibangunkan oleh Danes’ (1974). Aslasan McCabe (1999 : 270) melakukan pengubahsuaian model Danes’ kerana dalam kajian beliau terdapat beberapa corak teks Sepanyol dan Inggeris tidak memenuhi mana-mana kriteria model Danes’. Dalam analisis Pola Tematik dua pola lama yang diguna, iaitu Pola Tematik Tema Kekal, Pola Tematik Linear dengan penambahan dua Pola baharu, iaitu Pola Tematik Tema (Berubah) Bercapah dan Pola Tematik Rema (Berubah) Bercapah. Ayat dalam perenggan karangan yang dibahagikan kepada Tema Rema untuk membolehkan analisis dilakukan, kerana karangan terdiri daripada ayat topik (Tema) dan beberapa unsur penerangan (Rema).



Berikut merupakan dua jenis Pola yang diilustrasikan kerana pengkaji ingin membuktikan bahawa aplikasi pola ini mampu menambah baik mutu penulisan karangan murid.

**a. Pola Tematik Linear (Zig-Zag)**

MacCabe (1999) menyatakan elemen Pola Tematik Asas adalah Pola Tematik Linear, yang merujuk kepada Rema daripada klausa pertama akan menjadi Tema untuk klausa seterusnya, seperti Rajah 1 di bawah:




**Rajah 1** Pola Tematik Linear (Zig –Zag)

Sebagai contoh: Pelbagai jenis minuman boleh didapati di kedai Ramli seperti, air tebu, milo, teh, kopi dan air sirap. *Minuman ini* bukan sahaja murah malah rasanya sungguh sedap.

**1. Pola Tematik Tema Kekal**

Dalam pola ini, setiap Tema adalah sama, manakala Remanya berubah.



**Rajah 2** Pola Tematik Kekal

Sebagai contoh: Burung makan padi, Burung terbang di awan, Burung tidur di pokok.

Alasan utama dengan mengetengahkan analisis Pola Tematik berdasarkan pandangan berikut;

- i. Thomas dan Sarah (1997), bahawa Pola Tematik kerap digunakan sebagai cara menghubungkan klausa dengan klausa.
- ii. Bloor dan Bloor (1995), sebagai satu retorik yang digunakan oleh penulis untuk menarik perhatian pembaca.
- iii. Belmonte dan McCabe (1998), yang menegaskan aliran tematik sebagai cara untuk mengukur dan membina kepaduan dalam teks.
- iv. Alireza Jalilifar (2010), fokus kajian struktur Tema Rema dalam klausa boleh memberikan kesan positif dalam pengajaran penulisan.

Selain itu, guru bahasa boleh menunjukkan cara yang terbaik dalam menguruskan “Maklumat Lama” dan “Maklumat Baru”, hingga murid dapat memahami alat yang boleh menguruskan erti/kepaduan dalam penulisan. Sesungguhnya hal ini turut dibicarakan oleh Idris Aman (2010), aliran tematik ialah cara mesej atau maklumat dilanjutkan. Dikenali juga sebagai konsep aliran maklumat. Oleh itu, untuk mencapai tujuan dalam penulisan/komunikasi ayat yang dihasilkan perlulah bermaklumat.

### **Analisis Data**

Dalam penulisan karangan bahasa Melayu Tema selalunya hadir dalam bentuk biasa/tidak bertanda yang dikategorikan sebagai ‘maklumat lama’ dan Rema akan menghasilkan ‘maklumat baharu’. Tema pada kebiasaannya akan memberikan bayangan kepada pembaca akan konsep/topik yang ingin disampaikan oleh penulis. Maklumat ini cuma diambil sebagai kunci untuk mengetahui maklumat lanjut yang bakal diketengahkan oleh penulis. Berbeza dengan maklumat baharu (Rema), ia tidak akan mengutarakan idea lama dalam wacananya sehingga boleh dijangkakan oleh pembaca (Alonso dan McCabe 2000, dan Idris Aman, 2010).

Untuk menghasilkan penulisan yang bermutu, fakta yang perlu diketahui adalah dengan memberikan maklumat baharu yang banyak dan relevan dengan kehendak soalan. Dalam bahasa Melayu maklumat lama (Tema) dimulakan dengan munculnya maklumat baharu (Rema). sebagai contoh;

**KOD: KAA 3**

1. Setiap pelajar, pasti menginginkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik.

Tema	Rema
Setiap pelajar	pasti menginginkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik.
<b><i>Maklumat Lama</i></b>	<b><i>Maklumat Baharu</i></b>

Pola tematik melibatkan hubungan antara klausa dengan klausa dikaitkan secara bersama-sama untuk membolehkan pembaca memahami kesinambungan ‘maklumat lama’ kepada ‘maklumat baharu’. Terdapat banyak konfigurasi pola tematik dalam teks, untuk menganalisisnya penulis mengaplikasikan model McCabe (1999) ubah suai Danes (1974). Dalam analisis ini, pengkaji hanya menyentuh dua model berserta pendeskriptifan dan analisis pengaplikasiannya. Sebagai contohnya;

- a. Pola Kekal - Jenis pola ini akan menunjukkan bahawa Tema setiap ayat adalah sama manakala Remanya sentiasa baharu.

**KOD : KAA 16**

**Seterusnya ibu bapa juga**, memainkan peranan yang penting dalam menjayakan anak-anak dalam pelajaran. **Dorongan ibu bapa**, mengadakan perpustakaan mini di rumah ataupun memberikan anak-anak suasana dan tempat yang sesuai untuk memudahkan mereka di samping menyelesaikan mereka. **Ibu bapa**, haruslah memberi sokongan dan dorongan kepada anak-anak supaya meningkatkan semangat mereka terhadap pelajaran.

Penggunaan : ibu bapa > ibu bapa > ibu bapa

Dalam contoh tersebut, pelajar mengulangi Tema yang sama, iaitu *ibu bapa* dalam semua Tema setiap permulaan ayat dan dikategorikan sebagai Tema Kekal.

- b. Pola Linear – merupakan pola yang mengaitkan Rema dalam

klausa akan bersangkutan dengan Tema seterusnya. Hal ini bermakna, kewujudan Tema adalah hasil daripada Rema sebelumnya. Pola ini dinamai Pola Zig-Zag oleh McCabe (1999).


**KOD : KAA 14**

*Antara faktor yang mempengaruhi kejayaan seseorang murid dalam pelajaran ialah cara pembelajaran di dalam bilik darjah. Cara guru mengajar dan cara pelajar mendapatkan ilmu pengetahuan daripada guru amat penting bagi seseorang murid untuk berjaya dalam pelajaran. Guru perlu menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik minat pelajar supaya dapat menerapkan ilmu kepada para murid.*

Penggunaan : faktor mempengaruhi kejayaan murid > cara pembelajaran di bilik darjah.



: cara guru mengajar > amat penting bagi seseorang murid berjaya dalam...



: guru perlu menyediakan aktiviti yang menarik > menerapkan ilmu...

Dalam contoh di atas, pelajar menggerakkan Tema *faktor yang mempengaruhi kejayaan seseorang murid* kepada cara pembelajaran di bilik darjah kemudian muncul Tema ayat seterusnya, iaitu *Cara guru mengajar* merupakan hasil perkembangan Rema sebelumnya. Selanjutnya, pelajar memperkenalkan Tema *Guru perlu menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik minat pelajar*, hasil daripada Rema amat penting bagi seseorang murid berjaya dalam pelajaran.

Pola Kekal menyebabkan penulisan menjadi statik dan tidak berkembang serta menggambarkan penggunaan ayat yang mudah selain sesuai digunakan untuk wacana kanak-kanak (Alireza 2010, Idris Aman 2008 dan Norfaizah, 2014a). Menurut Alonso dan McCabe (1999), pelajar yang menulis cara begini dapat memastikan hasil karangan mereka akan dibaca seperti satu senarai yang mudah. Dengan kata lain, Pola Kekal kurang sesuai untuk digunakan secara meluas dalam penulisan karangan berbentuk fakta atau hujahan pendapat kerana memerlukan kepelbagaian pembinaan Tema bagi

mbolehkan idea yang hendak disampaikan bermakna dan memiliki nilai topik yang tinggi.

Pola Linear mampu menghasilkan teks yang lebih dinamik kerana mengandungi rantaian antara klausa. Hal ini membolehkan maklumat lama digerakkan kepada maklumat baharu. Namun begitu pemilihan pola bergantung kepada tujuan utama penulis. McCabe (1999), menyatakan bahawa pola jenis ini akan memastikan pembaca sentiasa "bersama penulis" untuk memahami konsep/idea yang hendak disampaikan. Wang, (2007), turut menyatakan penggunaan pola linear membuktikan penulisan lebih efektif dan hubungan koheren antara idea dan ayat dalam perenggan lebih jitu. Hal ini bertentangan dengan pandangan Thomas Hawes dan Sarah Thomas (1997), dengan menyatakan bahawa Pola Linear merupakan pola yang kurang jelas kerana memerlukan huraian yang lebih banyak. Namun begitu menurut mereka pola ini merupakan rantaian yang logik dan digemari oleh guru kerana hubungan Tema dan Rema saling bervariasi.

## **Kaedah Aplikasi Pola Tematik dalam Penulisan**

Dalam usaha memastikan penulisan karangan pelajar mencapai tahap koheren yang tinggi kita perlu mengajarkan mereka cara menganalisis karangan menggunakan konsep pola Tematik. Sebagai contoh, kita kembali kepada kertas KOD : KAA 6;

**Seterusnya ibu bapa juga**, memainkan peranan yang penting dalam menjayakan anak-anak dalam pelajaran. **Dorongan ibu bapa**, mengadakan perpustakaan mini di rumah ataupun memberikan anak-anak suasana dan tempat yang sesuai untuk memudahkan mereka di samping menyelesaikan mereka. **Ibu bapa**, haruslah memberi sokongan dan dorongan kepada anak-anak supaya meningkatkan semangat mereka terhadap pelajaran.

Analisis pembetulan:

**Seterusnya ibu bapa juga, (T1)** memainkan peranan yang penting dalam memastikan anak-anak berjaya dalam pelajaran (R1). **Hal ini terbukti dengan dorongan yang ditunjukkan oleh ibu bapa (T2<R1)** untuk memastikan anak-anak berjaya adalah melalui pembinaan perpustakaan mini di rumah yang **dapat** memberikan

keselesaan dan memudahkan mereka belajar serta mengulang kaji (R2). **Dalam masa yang sama, ahli keluarga (T3<T2)** haruslah memberi sokongan dan dorongan kepada anak-anak supaya meningkatkan semangat mereka terhadap pelajaran(R4).

Rumusnya;

1. Tema kedua adalah hasil daripada Rema pertama dengan penambahan kata yang lebih gramatis dalam klausa tersebut menjadikannya lebih jitu.
2. Manakala jika diteliti, Tema ketiga juga merupakan lanjutan daripada Rema kedua, penggunaan Tema ‘ibu bapa’ boleh digantikan dengan ‘ahli keluarga’ bagi memastikan Tema yang sama tidak berulang.

Sebagai permulaan untuk memastikan pelajar memahami cara menstrukturkan ayat yang teratur dan pada hasil daripada analisis yang dilakukan guru boleh mengaplikasikan model McCabe (1999) ubah suai Danes (1974) yang dipermudahkan dalam rajah di bawah:

SOALAN :

Cara memastikan anak-anak berjaya dalam pelajaran.

Ayat Tema 1 + Rema 1	<u>Umum mengetahui bahawa, cara memastikan anak-anak berjaya dalam pelajaran ialah dengan ibu bapa memberikan sokongan.</u>
Mengapa Tema 2 < Rema 1 + Rema 2	<u>Hal ini demikian kerana, sokongan dan dorongan ibu bapa akan memastikan anak-anak sentiasa berusaha untuk menjadi anak dan pelajar yang cemerlang.</u>
Bagaimana Tema 3 < Rema 2 + Rema 3	<u>Sebagai buktinya, ibu bapa boleh memberi sokongan dengan membelikan buku rujukan, menyediakan tempat membaca yang selesa di rumah bagi meningkatkan semangat anak-anak dalam pelajaran.</u>

Kesan Tema 4 < Rema 3 + Rema 4	<u>Dalam waktu yang sama, tindakan ibu bapa ini akan membina sikap positif dalam diri anak-anak untuk gigih melakukan sesuatu hingga mencapai matlamatnya.</u>
Kesimpulan Tema 5 < Tema 4 + Rema 5	<u>Konklusinya, jika perkara baik dilakukan pasti akan membuahkan hasil yang lumayan kemudiannya, ibarat kata pepatah Melayu kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.</u>

(Soalan Pertengahan Tahun Tingkatan 5: Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Gajah, Pahang)

Berdasarkan contoh di atas, aplikasi Pola Tematik boleh dimudah cara dengan membina elemen melalui analisis Tema dan Rema yang dihubungkan dengan model Pola Tematik. Sebagai buktinya, guru boleh memahamkan murid bahawa pembinaan Tema hendaklah mementingkan unsur yang boleh menautkan isi atau penggunaan penanda wacana yang bervariasi bagi membenarkan setiap idea yang ingin disampaikan dalam Rema memiliki unsur kesinambungan, kepaduan dan kemampuan yang berstruktur.

## Kesimpulan

Secara umumnya, penulis telah membuktikan bahawa aliran maklumat dalam penulisan karangan pelajar boleh dibina melalui kaedah yang betul. Sesungguhnya, analisis pola Tematik amat membantu dalam menyelesaikan masalah penulisan yang tidak koheren selain boleh menjadi medan yang berguna untuk guru dalam memperbaiki penulisan pelajar. Hal ini disokong oleh Wang (2007), menyatakan kaedah untuk meningkatkan koheren pelajar secara tepat, perhatian harus diberikan kepada pemilihan Tema dan aliran Tematik yang berlaku dalam penulisan. Menurut Belmonte dan McCabe (1998) pula, analisis Tema Rema dan pola Tematik yang dilakukan boleh menjadi instrumen untuk guru semasa proses penandaan. Pola Tematik akan membolehkan guru fokus terhadap perkara/topik dalam penulisan tersebut dan seterusnya memberi penerangan jika pelajar hilang punca dalam penghuraian atau penulisan.

Daripada hasil tersebut beberapa cadangan boleh dikemukakan bagi membaiki pulih kemampuan mengarang murid agar memiliki tahap keterkaitan yang tinggi;

- a. Murid harus didedahkan dengan kemahiran menulis yang bermutu menerusi analisis Pola Tematik.
- b. Guru harus mengingatkan murid agar memulakan ayat dengan Tema yang berkesan atau bermakna.
- c. Guru perlu untuk mengajar cara untuk mengaplikasikan jenis Pola Tematik dalam penulisan secara berperingkat-peringkat.

Oleh itu, penulis menyimpulkan bahawa pola Tematik merupakan asas yang kukuh untuk dijadikan aktiviti yang membantu pelajar membina aliran maklumat secara semula jadi selain dapat menyedarkan mereka agar lebih peka dan berhati-hati dalam pemilihan Tema dan penghuraian Rema.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Jamian. (2012). Permasalahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina. *Jurnal Bahasa*, 2(2), 1-20.
- Alireza Jalilifar. (2010). Themantization in EFL students' composition writing and relation to academic experience. *RELC Journal*, 41(31), 31-45. doi: 10.1177/0033688210362621
- Anne M. McCabe. (1999). *Theme and thematic patterns in Spanish and English history texts*. Aston University. Dicapai pada 17.04.2014 melalui [www.wangsoft.com/systemics/archive/McCabe.phd](http://www.wangsoft.com/systemics/archive/McCabe.phd)
- Asmah Haji Omar. (1982). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asri Nur Rakhman. (2013). An analysis of thematic progression in high school students' exposition texts. *Passage*, 1(1), 65-74.
- Gillian Brown dan George Yule. (1983). *Discourse Analysis* (Terj. I. Soetikno). Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Halliday M.A.K. (1994). *An introduction to Functional Grammar*. London: Arnold.
- Halliday M.A.K & Ruqaiya Hasan. (1976). *Cohesion in English*. New York: Logman.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi Universiti kebangsaan Malaysia.



- Isabel Alonso Belmonte & Anne McCabe. (1998). Theme and rheme patterns in L2 Writing *Servicio de Publicaciones UCM Madrid*, 10, 13-31.
- Kamarudin Hj Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (1997). *Penguasaan kemahiran menulis*. Subang Jaya Kumpulan Budiman
- Khadijah Abdul Hamid. (1997). *Analisis koheren dan kohehi dalam penulisan karangan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah*. (Disertasi Ph D), Universiti Malaya.
- Lixia Wang. (2007). Theme and Rheme in the organization of text : Implications for Teaching Academic Writing. *Asian EFL Journal*, 9(1), 164-176.
- McCabe, I. A. B. A. (2000). Improving Text Flow in ESL Learner Composition *The Internet TESL Journal*, 2-7.
- Norfaizah Abdul Jobar. (2014a). *Strategi wacana penulisan karangan*. Paper presented at the The 6 th International Conference and Teacher Education, UPI-Bandung pada 25 dan 26 Jun 2014.
- Norfaizah Abdul Jobar. (2014b). *Organisasi Tematik dan Implikasinya Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Menulis Karangan*. Dibentangkan dalam Seminar Pasca Siswazah UPSI 2014, pada 18.9.2014.
- Seyed Foad Ebrahimi dan Mohsen Khedri. (2012). The importance of thematic structure in student's writing cohesion. *Language in India*, 12(4).
- Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi. (2012). Information development in EFL Students Composition Writing. *World Science Publisher*, 1(2), 212-217.
- Sudratai Arunsitrot. (2013). An analysis of textual metafunction in Thai EFL student's writing. *Novitas-ROYAL*, 7(2), 160-174.
- Suzanne Eggins. (2004). *An Introduction to Systemic Fungsional Linguistic* London: Continuum.
- Tengku Silvana Sinar. (2003). *Teori dan Analisis Wacana*. Medan: Pustaka Bangsa Press.
- Thomas Bloor dan Meriel Bloor. (1995). *The Functional analysis of English : A Hallidayan Approach*. London: Arnold.

